

Kadar zakat fitrah Perak meningkat

Kelantan tetapkan RM8,
Pulau Pinang umum
empat kadar

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Kadar zakat fitrah di Perak bagi tahun 2025 meningkat melibatkan tiga pilihan bayaran iaitu RM10, RM16 dan RM27 bagi setiap individu.

Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim yang mengumumkan perkara itu berkata, bayaran RM10 merupakan pilihan utama untuk individu yang menggunakan beras madani, beras super spesial tempatan dan beras putih super import berbanding hanya RM8 sebelum ini.

Menurutnya, bagi pilihan kedua dengan bayaran RM16 pula dikhususkan untuk pengguna beras rebusan, beras perang dan beras wangi kekal seperti sebelumnya manakala bayaran RM27 untuk pengguna beras basmathi dan beras pulut meningkat berbanding RM24 seorang tahun lalu.

"Jawatankuasa Fatwa kali ke-236 pada 13 Disember 2024 telah mengangkat sembah perakuan kadar bayaran zakat fitrah bagi tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi untuk mendapat perkenan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

"Titah perkenan Sultan Perak telah dibentangkan dan diterima oleh Persidangan Majlis (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak) pada pagi ini," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Pengumuman Kadar Zakat



Saarani (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran sambil disaksikan Mohd Annuar (kanan) dan Ahmad Suaidi sempena Majlis Pengumuman Kadar Zakat Fitrah Tahun 1446/2025 di Kompleks Islam Darul Ridzuan di Ipoh pada Khamis.

**AJENYE
YE!**

Fitrah Tahun 1446/2025 dan Peluncuran Awal Aplikasi MAIPK Bestari di Kompleks Islam Darul Ridzuan di sini pada Khamis.

Majlis tersebut disempurnakan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Hadir sama, Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Mohd Annuar Zaini dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Zamri berkata, bayaran zakat fitrah bagi Perak adalah berasaskan makanan ruji di negeri berkenaan adalah bersamaan dengan satu gantang Baghdad beras iaitu 2.6 kilogram.

Katanya, sesuai dengan peredaran masa, bayaran zakat fitrah dibolehkan dengan menggunakan wang tunai yang sama nilainya satu gantang beras.

Di KELANTAN, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menetapkan kadar zakat fitrah bagi tahun ini adalah RM8.

Yang Dipertuanya, Tan Sri Tengku Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, kadar tersebut telah mendapat perkenan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V.

"Bagaimanapun, umat Islam yang ingin membayar zakat fitrah pada kadar RM14 atau RM21 berdasarkan harga beras yang dimakan adalah digalakkan," katanya.

Di NEGERI SEMBILAN, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pula menetapkan tiga kadar zakat fitrah iaitu RM7.50, RM12 dan RM22 pada tahun ini.

Sementara itu di **PULAU PINANG**, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mengumumkan empat kadar zakat fitrah bagi tahun 2025 iaitu RM7, RM10, RM15 dan RM25.